



SOALAN-SOALAN LAZIM – Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN

1. Apakah Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN?

Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN adalah kad debit yang dihubungkan dengan akaun simpanan BSN anda dan menawarkan pelbagai manfaat untuk membantu anda menjalani kehidupan yang mudah tanpa beban hutang. Ia boleh digunakan untuk membuat pembelian di mana-mana logo Visa yang dipamerkan di seluruh dunia dan juga pembelian secara Atas Talian. Bagi transaksi ATM, anda boleh menggunakannya di mana-mana ATM BSN, MEPS ATM atau ATM yang memaparkan logo Visa PLUS di luar negara. Walau apapun cara anda menggunakannya, bayaran akan ditolak secara automatik daripada Akaun simpanan BSN anda - jadi ia membantu anda merancang dan memastikan anda tidak berbelanja secara berlebihan.

2. Apakah keunikan dan kelebihan Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN?

Kebanyakan kad debit mempunyai dua ciri-ciri utama iaitu keupayaan untuk membeli barang-barang dan keupayaan untuk mengeluarkan wang tunai di ATM. Kad Debit Visa BSN menawarkan anda lebih daripada itu! Anda akan menikmati faedah dan ganjaran yang lumayan.

- Bayar untuk pembelian anda di lebih 29 juta rakan niaga VISA di seluruh dunia.
- Pengeluaran wang tunai di dalam dan luar negara di mana-mana ATM dengan logo MEPS atau PLUS.
- Tetapkan had pembelian runcit anda sendiri melalui ATM BSN.
- Pembelian melalui Kad akan didebitkan secara automatik dari Akaun Simpanan-i BSN GIRO-i anda.
- Boleh digunakan untuk membayar bil-bil atau memindahkan wang melalui ATM BSN atau mybsn.com.my
- Kad ini mempunyai cip bagi menyimpan dengan selamat butiran kad anda.
- Mudah untuk memohon kerana tiada pendapatan minima diperlukan.

3. Siapakah yang layak memohon Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN?

Individu yang mempunyai akaun simpanan BSN dan memenuhi kelayakan umur adalah layak.

4. Bagaimanakah saya boleh memohon Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN?

- Kunjungi mana-mana Cawangan BSN yang terdekat untuk membuka akaun simpanan/-i.
 - Lengkapkan borang permohonan dan pilih Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN.
- Bawa bersama MyKad anda bagi tujuan pengesahan.

5. Di mana saya boleh menggunakan Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN_saya?

- **Untuk Pembelian Runcit:** Di jutaan rangkaian rakan niaga Visa di Malaysia atau di luar negara seperti kedai runcit, pasaraya, restoran, stesen petrol dan banyak lagi.
- **Untuk Pembelian Dalam Talian, Menerusi Pesanan Meldan Telefon :** Di laman web membeli belah di seluruh dunia termasuk pembelian menerusi pesanan mel atau telefon.
- **Untuk Transaksi ATM:** Di ATM BSN, ATM MEPs dan ATM luar negara yang mempunyai logo Visa PLUS.

6. Adakah saya perlu membayar apa-apa caj bila saya menggunakan Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN_bagi pembelian runcit atau atas talian?

Tiada caj bayaran atau yuran dikenakan bagi pembelian runcit atau atas talian menggunakan Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN.

7. Apakah had pembelian harian saya?

Untuk kawalan keselamatan, BSN memberi anda fleksibiliti untuk memilih had pembelian diingin bagi pembelian runcit anda. Had pembelian harian telah ditetapkan pada RM1,000 bagi akaun dewasa dan RM500 bagi akaun remaja. Anda boleh mengubah had ini kepada jumlah antara RMO hingga RM10,000 di mana-mana Atm BSN atau cawangan BSN.

8. Berapa lama masa yang diambil untuk menerima Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN?

Anda akan mendapat Kad Debit/-i BSN Visa serta-merta bersama dengan PIN apabila anda memohon di mana-mana cawangan BSN. Walau bagaimanapun, jika anda meminta kad peribadi (dengan nama anda di cetak atas kad), anda dikehendaki mengambil kad anda selepas 14 hari di cawangan di mana anda memohon.

9. Bolehkah saya menggunakan Kad Debit/-i Visa BSN di luar negara?

Ya, anda boleh menggunakan Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN di luar negara dengan syarat anda mengaktifkan fungsi transaksi di luar negara sebelum anda berlepas. Proses pengaktifan boleh dilakukan melalui mana-mana ATM BSN, MyBSN, Pusat Panggilan BSN atau di mana-mana Cawangan BSN. Setelah diaktifkan, anda boleh menggunakan Kad Debit /-i Matrix Visa Electron BSN untuk pembelian runcit atau untuk pengeluaran wang tunai di mana-mana mesin ATM luar negara yang mempunyai logo Visa PLUS.

10. Apa yang perlu saya lakukan jika Transaksi Pembelian Atas Talian ataupun Luar Negara tidak berjaya?

Anda perlu mengaktifkan Fungsi Pembelian Atas Talian dan Fungsi Transaksi Luar Negara bagi membolehkan transaksi ataupun penggunaan tersebut dibenarkan. Pengaktifan boleh dilakukan melalui ATM BSN, MyBSN ,Pusat Panggilan BSN ataupun di mana-mana cawangan BSN,

11. Bolehkah saya membatalkan pengaktifan fungsi Pembelian Atas Talian dan Transaksi Luar Negara?

Ya. Anda boleh membatalkan pengaktifan fungsi Pembelian Atas Talian dan Transaksi Luar Negara melalui ATM BSN, MyBSN, Pusat Panggilan BSN ataupun di mana-mana cawangan BSN.

12. Apakah contoh di mana urusniaga pra-pembayaran transaksi dilakukan ke atas akaun simpanan saya?

- **Stesen Minyak** - Jumlah pra-pembayaran di antara RM200-RM250 akan didebitkan daripada akaun simpanan BSN anda apabila anda membayar di mesin pam minyak (kios luar). Jumlah ini akan dibayar semula apabila bank menerima bayaran penyelesaian sebenar di dalam masa 3 hari. **Anda dinasihatkan untuk membayar kepada juruwang di kaunter pembayaran stesen minyak untuk mengelakkan sekatan pra-pembayaran.**
- **Hotel** - Untuk mengelakkan sekatan pra-pembayaran, anda dinasihatkan untuk menggunakan Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN ketika mendaftar keluar sahaja.

13. Kenapa kadangkala transaksi Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN saya ditolak?

Antara sebab-sebab yang lazim termasuk:

- Baki yang tidak mencukupi di dalam akaun simpanan anda atau disebabkan oleh amaun pra-pembayaran yang disekat.
- Jumlah transaksi melebihi had pembelian harian.
- Jika transaksi atas talian/luar negara ditolak, anda mungkin tidak mengaktifkan fungsi atas talian/transaksi luar negara sebelum melakukan transaksi tersebut.

14. Apakah ciri-ciri keselamatan dalam Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN?

- **Cip Pintar EMV:** Menggunakan teknologi cip pintar terkini untuk keselamatan yang lebih tinggi.
- **Polisi Liabiliti Sifar Visa:** Melindungi anda daripada mana-mana pembelian yang tidak sah.
- **Penetapan Had Pembelian Harian:** Had pembelian harian bagi akaun dewasa ialah RM1,000 dan RM500 bagi akaun remaja . Anda boleh mengurangkan atau meningkatkan had ini di mana-mana ATM BSN atau cawangan BSN.
- **Pemberitahuan SMS:** Pemberitahuan melalui SMS akan dihantar ke nombor telefon bimbit berdaftar anda untuk transaksi tertentu menggunakan kad.
- **Membeli-belah secara atas talian (*online*):** Ketika membuat pembayaran untuk pembelian secara dalam talian, kod BOSS (*BSN Online Secured Shopping*) akan dihantar ke nombor telefon bimbit anda yang berdaftar dengan BSN melalui SMS untuk anda masukkan kod dan melengkapkan transaksi dengan selamat .

Nota: Sila pastikan anda mengemas kini nombor telefon bimbit terbaru anda di mana-mana ATM BSN atau cawangan BSN.

15. Apakah tanggungjawab saya selaku pemegang Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN?

- a) Anda hendaklah menandatangani di belakang Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN sebaik sahaja menerima kad.
- b) Lindungi Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) anda.
 - (i) Jangan menulis nombor PIN anda pada Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN atau menyimpan bersama-sama dengan Kad Debit/-i anda.
 - (ii) Jangan menggunakan tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor telefon sebagai PIN atau kata laluan.
- c) Anda hendaklah sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan kehilangan atau kecurian Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN selain mendedahkan nombor (PIN) kepada sebarang individu.
- d) Sebarang kehilangan, kecurian Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN atau pendedahan PIN kepada pihak ketiga dan penggunaan Kad tanpa kebenaran hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Bank dengan menghubungi Pusat Panggilan BSN di 1300 88 1900 atau +603-2613 1900 (luar negara).
- e) Anda tidak boleh membenarkan atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menggunakan Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN. Anda juga tidak boleh memindahkan, melepaskan kawalan dan pemilikan Kad serta menggunakannya untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh pihak Bank.
- f) Anda adalah bertanggungjawab untuk memastikan jumlah wang di dalam akaun adalah mencukupi sebelum melakukan sebarang urusan niaga.
- g) Semak rekod transaksi anda dari masa ke masa melalui www.mybsn.com.my untuk memastikan urusan niaga yang dilaksanakan adalah betul.-dan maklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh 14 hari dari tarikh transaksi jika terdapat sebarang kesilapan atau ketinggalan. Jika tidak, transaksi tersebut akan dianggap tepat.
- h) Ahli kad hendaklah menggunakan Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN secara bertanggungjawab dan tidak menyalahgunakan bagi mana-mana aktiviti tidak sah atau menyalahi undang-undang; menggunakan Kad untuk transaksi perjudian melalui Internet (untuk Kad Debit-i); atau menggunakan Kad untuk transaksi yang dilarang berdasarkan garis panduan Syariah (untuk Kad Debit-i).

16. Apa perlu saya buat jika Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN saya hilang atau dicuri?

Anda perlu melaporkan kehilangan atau kecurian kad anda dengan segera melalui salah satu saluran berikut:

- Hubungi Perkhidmatan Pelanggan BSN di **1300-88-1900** (Malaysia) atau **603 2613 1900** (Luar Negara); atau Segera ke mana-mana cawangan BSN dan buat laporan.

17. Adakah terdapat apa-apa caj yang dikenakan oleh Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN?

Bayaran yang dikenakan adalah seperti berikut:

Yuran dan Caj	
Perkara	Yuran / Caj
Yuran Tahunan <i>(Yuran tahunan akan dikenakan pada tarikh ulangtahun Kad. Ia tidak akan dikenakan pada tahun yang sama Kad dikeluarkan kepada Ahli Kad)</i>	RM8
Yuran Pengeluaran/Pembaharuan Kad	RM12
Penukaran/Naiktaraf dari Kad ATM atau Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN kepada Kad Debit/-i Visa BSN atau Kad Debit/-i Batman Visa BSN.	BSN Visa Debit Card/-i RM12 BSN Batman Visa Debit Card/-i RM15
Yuran Penukaran Kad <i>(Untuk kerosakan kad disebabkan kecuaiian Ahli Kad, hilang atau dicuri)</i>	RM12
Pengeluaran Tunai ATM: Domestik <ul style="list-style-type: none"> ▪ BSN ATM ▪ ATM di Bank-bank Tempatan yang lain melalui MEPS ▪ ATM di Bank-bank Luar yang lain melalui MEPS Antarabangsa <ul style="list-style-type: none"> ▪ Rangkaian ATM melalui VISA PLUS 	Percuma RM1/pengeluaran tunai RM4/pengeluaran tunai RM12/pengeluaran tunai
Pertanyaan Baki ATM	Percuma
Rekod Transaksi (Bagi 2 bulan terakhir) Perbankan Dalam Talian (mybsn.com.my)	Percuma
Pemindahan Wang melalui ATM bank-bank ahli MEPS	RM0.50 setiap transaksi
Yuran Permintaan Semula Slip Jualan	RM15 setiap salinan
Bayaran Penukaran untuk Urus Niaga Luar Negara	Mengikut kadar pertukaran yang ditentukan oleh VISA + yuran transaksi dikenakan oleh VISA (bersamaan dengan 1%)

Nota: Semua Yuran dan Caj yang dikenakan ke atas Kad Debit/-i Matrix Visa Electron BSN anda adalah tertakluk kepada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) sebanyak 6% berkuatkuasa 1 April 2015.